

20/05/2003

AirAsia terbit bon Islam beli empat B737-700

Abdul Halim Yusoff

AIRASIA Sdn Bhd (AirAsia) akan membuat terbitan bon Islam untuk membiayai pembelian empat pesawat baru Boeing 737-300 selaras rancangan pembesaran operasinya.

Ketua Eksekutif AirAsia, Tony Fernandes, berkata pembelian pesawat itu adalah sebahagian rancangan pengembangan angkatan pesawatnya yang disasar meningkat kepada 19 buah menjelang hujung tahun depan.

Katanya, pengurusan syarikat sedang merangka butiran untuk terbitan bon itu kerana dana dalaman syarikat tidak cukup untuk menampung kos pembelian.

"Pesawat pertama akan diterima mulai Oktober ini, disusuli sebuah pesawat setiap bulan," katanya dalam satu pertemuan dengan media di Sepang, semalam.

AirAsia, syarikat penerbangan tambang murah, kini mempunyai tujuh pesawat yang disewa. Pesawat sewa kelapan akan diterima bulan depan.

Syarikat itu sebelum ini dilaporkan tidak berminat membeli pesawat kerana dikatakan tidak sesuai dengan konsep syarikat penerbangan tambang murah.

"Keadaan pasaran sekarang mungkin berubah. Sebab itu kami mengambil keputusan membeli pesawat sekarang meskipun sebelum ini kami berpendapat penyewaan pesawat lebih menguntungkan.

"Lagipun, kami mendapat tawaran harga yang sangat menarik dan berpendapat berbaloi untuk membuat pembelian," katanya.

Air Asia mula beroperasi sebagai syarikat penerbangan domestik pada Disember 2001. Menggunakan konsep tambang murah, AirAsia merekodkan pertumbuhan menakjubkan, sekali gus melenyapkan kritik yang memperlekeh daya tahan syarikat itu. Ia dimiliki 99.25 peratus oleh Tune Air Sdn Bhd (Tune Air) manakala baki 0.75 peratus oleh Mofaz Air.

Tony berkata, syarikat akan meneruskan strategi pengembangan yang sudah dirancang biarpun berdepan pelbagai isu seperti wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), kesan peperangan di Iraq, dan kenaikan harga minyak.

AirAsia kini terbang ke 13 destinasi. Syarikat itu merancang menambah laluan ke beberapa destinasi lagi termasuk Johor Bahru dan Alor Setar. Ia

juga merancang terbang ke beberapa destinasi di negara serantau.

"Bagaimanapun, kami tidak akan tergesa-gesa terbang ke destinasi serantau kerana pasaran domestik penting dan berpotensi. Paling awal kami ke destinasi serantau, mungkin mulai awal tahun depan," katanya.

Mengenai rancangan penjualan di antara 20 dan 25 peratus kepentingan syarikat kepada rakan strategik asing, Tony berkata, rancangan itu dijangka dapat diselesaikan dua minggu lagi.

Pelaburan rakan asing yang dijangka mencecah RM50 juta itu akan digunakan untuk perbelanjaan pembangunan dan pengembangan syarikat, termasuk untuk menyewa dan membeli pesawat.

Mengenai pertemuan beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu, Tony berkata, syarikat membentangkan kepada kerajaan rancangannya menyumbang kepada pembangunan negara serta sokongannya kepada Penerbangan Malaysia (MAS).

"Kami juga ada minta sedikit kepada kerajaan," katanya, tetapi enggan mengulas lanjut mengenai permohonan syarikat.

AirAsia dan MAS terjebak dalam `perang harga' tidak lama dulu apabila MAS turut menawarkan pakej tambang murah bagi setiap laluan sekali gus dikatakan boleh menjejaskan pasaran AirAsia.